

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**HKB 502 – Topik-Topik Terpilih Dalam Kesusasteraan
Bandingan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** soalan. Jawab **TIGA [3]** soalan sahaja.

1. Dengan merujuk kepada kepentingan dinamika perhubungan antara dimensi kebangsaan dan dimensi kesarwajagatan dalam Kesusasteraan Bandingan, bincangkan kegunaan dan problematika konsep-konsep dan istilah-istilah seperti "karya asli," "karya kebangsaan," dan "sastera dunia."

2. **Pantoum** "Harmonie du soir" atau "Evening Harmony" oleh Baudelaire menyimpang dari konvensi **pantoum** Perancis-Inggeris abad ke-19, manakala genre **pantoum** itu pula menyimpang dari pantun Melayu yang telah menjadi asas pembentukannya.

Dengan rujukan yang bersesuaian, bincang pernyataan di atas dalam konteks kajian generik dalam Kesusasteraan Bandingan.

3. Dua buah cerpen yang pernah melalui proses transformasi teks-kepada-filem, yakni "**Rashomon**" dan "**Devi**", menampilkan kesubjektifan kebenaran sebagai persoalan pokok. Dengan merujuk kepada **SAMA ADA** teks cerpen dan filem "**Rashomon**" **ATAU** teks cerpen dan filem "**Devi**", bandingkan secara kritis teknik-teknik sastera dan teknik-teknik profileman yang digunakan untuk menyampaikan persoalan tersebut.

Pada pendapat anda, adakah benar bahawa kesan yang disampaikan oleh suatu media lebih kuat daripada yang lain?

4. Para sarjana Kesusasteraan Bandingan menyatakan bahawa **Stoffgeschichte** atau pendekatan tematologi dalam kajian teks pada satu pihak menyerahkan sifat keselarian sastera, dan pada pihak yang lain, mengekalkan sifat kepelbagaiannya. Hal ini lazimnya lebih ketara apabila melibatkan **weltanschauung** pengarang daripada tradisi-tradisi mistik dan falsafah yang berbeza. Buktikan hal ini dengan mengkhususkan jawapan anda kepada pengolahan tipainduk dalam dua karya pilihan anda.
5. Jelaskan maksud Wacana Kolonial dan Wacana Pasca-kolonial dalam konteks penterjemahan sastera. Kemudiannilaikan secara kuantitatif dan kualitatif petikan daripada teks-teks **Salina** yang dilampirkan (Lampiran A) dan bincangkan sejauhmana petikan-petikan tersebut memperlihatkan ciri-ciri kedua-dua wacana yang tersebut.

Gunakan jadual yang dilampirkan (Lampiran B) untuk membuat penilaian kuantitatif.

Lampiran A

PETIKAN 1:

Mana endak ada orang yang cakap-cakap pasal buku-buku Melayu di sekolah awak? Semuanya dah terpengaruh dengan kata-kata guru awak tu; asyik kata buku-buku Inggeris saja yang tinggi mutunya, buku Inggeris saja yang tinggi mutunya. Apalagi awak semua yang tak berfikir panjang tu pun hah, percayalah, ...	(S1, 262)
(tidak diterjemahkan)	(S2, 196)
How could there be anyone talking about Malay books in your school, Hilmy? Everyone has been influenced by the teacher's words; all the time she says only English books are of a high standard, only English books! And then all of you who don't think deeply just believe what she says, ...	(S3, 364)

PETIKAN 2:

dia orang tu tak tau mengucap ... pegi sembahyang Tarawih, ya?	(S1 , 215-223)
(tidak diterjemahkan) Off to the midnight service?	(S2 , 160-166)
they ... do not know how to recite verses from the Koran ...on your way to prayers?	(S3 , 301-312)

PETIKAN 3:

Tapi yang pendek gemuk itu cakapnya macam tak bersemangat. Orang yang hendak tolong dapatkan kita rumah mesti berani. Kalau dia lembik-lembik gitu takkan boleh dapat. Dia sebut 'merdeka' pun macam endak mati.	(S1 , 59)
Well, let's vote for the little fat one then. He didn't talk too fast and he smiled a lot. All the others shouted like they were mad about something. Scared me just to look at them	(S2 , 51)
But then the fat short one talks without 'enthusiasm; there's no go' in him. People who want to help us must be brave. If he's soft, how can he get what he wants. Look at the way he says "independence" he sounds half-dead.	(S3 , 82)

PETIKAN 4:

... gurunya sendiri mengatakan kepadanya bahawa pekerjaan gurulah yang paling mulia sekali, kerana guru, katanya (dan diulang-ulangkannya), mendidik pemuda harapan bangsa dan pemudi tiang negara yang sudah pun pandai meneriak-neriakkan "Merdeka!" itu.	(S1, 244)
A teacher told him that a teacher's work was the grandest possible, because he taught the youth to love their nation and to fight for its independence.	
his own teacher told him that the job of a teacher was most noble, because a teacher, he said (this he kept repeating), could mould the young men on whom the nation could place its hope and also the young women who are the pillars of the nation. They were then already well-versed at shouting for "Independence".	(S3, 267)

Angka Giliran:

No. Soalan:

Jadual Penilaian

- 000 0 000 -

...5/-
...Lampiran B/-